



11 APR, 2021

Agropreneur Muda buka peluang untuk usahawan muda

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Agropreneur Muda buka peluang untuk usahawan muda

KANGAR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengajukan Program Agropreneur Muda (PAM) bagi memberikan pendedahan asas kepada golongan muda yang berminat untuk menceburti bidang pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, program itu adalah untuk menyediakan kemahiran asas kepada golongan muda berumur antara 18 hingga 40 tahun yang berminat untuk menjadikan pertanian sebagai satu kerjaya.

"Jika ada anak muda yang

berminat untuk menceburti bidang pertanian, mereka boleh berhubung terus dengan pihak jabatan (Jabatan Pertanian) berdekatkan bagi mendapat maklumat dan nasihat," katanya kepada pembita di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) Negeri Perlis di Hotel Seri Malaysia.

Che Abdullah berkata, program tersebut merangkumi bidang tanaman, ternakan, perikanan, industri makanan, agro-pelancongan dan pemasaran.

- Bernama

TIMBALAN Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi (kiri) menyampaikan Geran Agropreneur Muda berjumlah RM298,680 kepada Mohd Fikri Mohd Zaki, 27, dari Sanglang, Perlis pada perasmian Program Jelajah Agropreneur Muda (PAM) Negeri Perlis semalam. • Foto BERNAMA





11 APR, 2021

Agropreneur Muda buka peluang untuk usahawan muda

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KANGAR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menganjurkan Program Agropreneur Muda (PAM) bagi memberikan pendedahan asas kepada golongan muda yang berminat untuk menceburi bidang pertanian. , Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah'Mat Nawi berkata, program itu adalah untuk menyediakan kemahiran asas kepada golongan muda berumur antara 18 hingga 40 tahun yang berminat untuk menjadikan pertanian sebagai satu kerjaya.